

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[SEKIJANG]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [SEKIJANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terkini generasi kedua FELDA yang telah memiliki rumah dan apakah usaha Kerajaan dalam membantu generasi kedua FELDA ini yang masih belum memiliki rumah sendiri di kawasan FELDA di seluruh negara.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, seramai 26,985 generasi kedua FELDA telah menerima manfaat perumahan melalui beberapa program perumahan untuk warga FELDA iaitu Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) iaitu sebanyak 2,020 unit, Perumahan Warga FELDA (PWF) sebanyak 3,097 unit, Projek Perumahan 1 FELDA (P1F) sebanyak 84 unit dan projek FELDAJAYA sebanyak 196 unit.
2. 2 isu utama mengenai penyediaan perumahan untuk generasi kedua FELDA adalah tanggungan subsidi oleh Kerajaan yang tinggi serta ketidakupayaan generasi kedua FELDA untuk mendapatkan pembiayaan bagi pembelian rumah-rumah tersebut. Bagi menanganinya, Kerajaan akan memperkenalkan model pembangunan perumahan berdasarkan konsep bina sendiri. Melalui model ini, generasi kedua FELDA akan ditawarkan lot-lot kediaman untuk dijual pada harga mampu milik dan seterusnya dibina sendiri berdasarkan reka bentuk standard yang disediakan. Sementara itu, FELDA turut mengadakan perjanjian persefahaman (MoU) dengan Agrobank bagi membolehkan generasi kedua FELDA yang ingin membeli kediaman di bawah PGBF menikmati beberapa kelonggaran syarat termasuk kadar faedah lebih rendah serta kadar pembiayaan lebih tinggi iaitu 110% daripada harga rumah dengan nilai maksimum RM300,000.

### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

1. Program Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) merupakan projek sosial untuk generasi baharu FELDA di tanah rancangan. Projek ini telah bermula pada tahun 2013 bertujuan membantu generasi baharu FELDA memiliki rumah mampu milik yang selesa di samping mengoptimumkan penggunaan tanah kosong di tanah rancangan.
2. FELDA telah membangunkan 8,314 unit rumah di 38 lokasi dengan anggaran kos pembangunan kasar bernilai RM1.65 bilion. Pada tahun 2019, daripada 38 lokasi projek PGBF, 20 lokasi telah mencapai kemajuan kerja 70% dan ke atas, manakala 18 tapak lagi mencapai kemajuan kerja kurang daripada 69% dan terbengkalai semenjak tahun 2016.
3. Melalui Kertas Putih FELDA yang dibentangkan di Parlimen pada 9 April 2019, Kerajaan telah memperuntukkan RM250 juta bagi menyiapkan PGBF yang telah mencapai tahap siap 70% dan ke atas melibatkan 4,794 kediaman. Status semasa kemajuan PGBF sehingga September 2021 adalah seperti berikut:

Jumlah kediaman PGBF dibangunkan	8,314 unit kediaman		
Peratus Kemajuan Pada Tahun 2019 (semasa pembentangan Kertas Putih FELDA)	70% dan Ke Atas (peruntukan di bawah Kertas Putih FELDA)	69% dan Ke Bawah	
	4,794 (20 lokasi)	3,520 (18 lokasi)	
Kemajuan Sehingga September 2021	Telah Siap	Dalam Pembinaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 209 unit (3 lokasi) telah disambung pembinaan di bawah PRE Prihatin</li> <li>• Anggaran kos menyiapkan baki 3,311 unit kediaman adalah RM600 juta.</li> </ul>
	2,358 (11 lokasi)	2,436 (9 lokasi)	

4. Purata kos pembinaan seunit kediaman PGBF adalah RM198,000 dengan keluasan 1,000 kaki persegi. Harga jualan bagi unit tengah (*intermediate unit*) adalah RM90,000 dan bagi lot tepi (*end lot*) bergantung kepada luas tanah dengan kadar RM10/ kaki persegi. Ini bermakna FELDA terpaksa menanggung subsidi kediaman PGBF bermula daripada RM108,000/ unit.

Disediakan Oleh : Muhamad Aziyan Hussim  
Ketua Penlong Pengarah  
Bahagian Pertanian  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Telefon : 019-2464028

Disemak Oleh : Zaeidah Mohamed Esa  
Pengarah  
Bahagian Pertanian  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Telefon : 019-911 2360

Diluluskan Oleh : Datuk Yatimah Sarjiman  
Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral)  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Telefon : 013-346 6939